

# SYARAT KELAYAKAN INSENTIF KHAS PASANGAN PENGANTIN YANG BERDAFTAR DI NEGERI PAHANG

## 1.PENDAHULUAN

Insentif ini disediakan untuk pasangan yang pengantin lelakinya berpendapatan RM5000.00 dan ke bawah tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduan yang ditentukan.

## 2.SYARAT KELAYAKAN

- Hanya anak-anak Pahang sahaja yang layak menerima insentif ini.
- Samada pengantin lelaki atau perempuan mestilah anak kelahiran Negeri Pahang.
- Pasangan pengantin yang mana **pengantin lelaki sahaja** berpendapatan **RM5000.00 dan ke bawah** layak menerima insentif.
- Bagi **perkahwinan di luar negeri Pahang**, pengantin lelaki mestilah anak kelahiran Pahang.(Kebenaran Luar Negeri (KBLN))
- Perkahwinan ini mestilah didaftarkan di Negeri Pahang dengan Kebenaran Pejabat Agama Islam Daerah.
- **Perkahwinan anak Pahang yang didaftarkan di luar negeri Pahang**, pengantin perlu membuat permohonan dan pengesahan di Pejabat Agama Islam (*dimana tempat permohonan*).
- Bagi pemastautin di negeri Pahang **sekurang-kurangnya 10 tahun atau lebih**, perlu mendapatkan pengesahan dari Penghulu/ADUN Kawasan/pengurus FELDA/Imam Qaryah atau Penyelaras.
- Duda atau Janda atau salah seorang yang mana pasangannya adalah anak negeri Pahang dan berkelayakan, perkahwinan kali pertama dengan pasangan yang lain, layak untuk menerima insentif.
- Setiap permohonan perlu hantar ke Pejabat Agama Islam Daerah di mana Permohonan Kebenaran atau Pendaftaran Perkahwinan di buat.

## **INSENTIF KHAS PASANGAN PENGANTIN (IKPP) NEGERI PAHANG**

**ANDA TIDAK LAYAK SEKIRANYA :**

- 1. Poligami**
- 2. Nikah semula (pasangan yang sama selepas tamat tempoh iddah)**
- 3. Nikah tanpa kebenaran**
- 4. Kedua pasangan bukan asal Pahang**
- 5. Pendapatan lelaki melebihi RM 5,000.00**